

PENGGUNAAN PLATFORM OPEN LEARNING SEBAGAI MEDIUM PEMBELAJARAN: TINJAUAN DALAM KALANGAN PELAJAR

Nurhani Binti Mohd Sabri¹

¹Politeknik Balik Pulau
hanibri@gmail.com

ABSTRAK

Kajian diskriptif ini bertujuan untuk melihat tahap penggunaan platform *Open Learning* sebagai medium pembelajaran bagi pelajar Politeknik Balik Pulau. Tahap penggunaan ini dilihat dari empat aspek iaitu mudah guna pelajar terhadap platform *Open Learning*, kemanfaatan kepada pelajar dalam kemahiran komputer dan internet, tahap kemahiran pelajar terhadap penggunaan platform *Open Learning* dalam pembelajaran dan prasarana yang disediakan kepada pelajar. Platform *Open Learning* dipilih sebagai medium pembelajaran bagi membantu pelajar dalam proses pembelajaran secara atas talian. Instrumen kajian adalah set soal selidik yang mengandungi 40 item berskala Likert. Responden terdiri daripada 71 pelajar semester satu Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi. Data diperolehi dianalisis menggunakan perisian Statistical Pacakage for The Social Science (SPSS) versi 21 untuk mendapatkan peratus dan skor min. Dapatan kajian menunjukkan tahap penggunaan platform *Open Learning* sebagai medium pembelajaran oleh pelajar memperoleh min keseluruhan yang tinggi iaitu 4.06%. Selain itu, pelajar juga merasakan pembelajaran berasaskan platform *Open Learning* adalah senang dan mudah untuk digunakan dengan skor min 4.47% dan pembelajaran ini memberi manfaat kepada pelajar dengan skor min 4.49%. Ini menunjukkan pelajar mempunyai kesediaan yang tinggi terhadap penggunaan platform *Open Learning* sebagai medium pembelajaran dan bersedia dengan sistem pembelajaran berasaskan *MOOC (Masive Open Online Course)*. Namun begitu, usaha penambahbaikan perlu dilakukan terhadap prasarana di politeknik dari aspek kemudahan internet.

Kata kunci: Penggunaan, *Platform Open Learning*, *MOOC*, Pembelajaran

1. Pengenalan

Open Learning adalah situasi pembelajaran yang mana pelajar mempunyai fleksibiliti untuk memilih pelbagai pilihan berkaitan dengan masa, tempat, kaedah pengajaran, mod akses dan faktor lain yang terhadap proses pembelajaran. Perspektif *Open Learning* ini adalah situasi pembelajaran atau proses harus terbuka kepada semua orang, dalam apa jua keadaan, di mana-mana tempat dan pada bila-bila masa. Istilah "*Open (keterbukaan)*" disini merujuk kepada mana-mana organisasi pengajaran atau institusi yang menawarkan pelbagai pilihan kepada pelajar dengan memberi mereka peluang untuk belajar dengan cara yang bebas terhadap masa dan tempat [Caliskan, 2012].

Perlaksanaan *Open Learning* ini selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 – 2025 bagi pendidikan tinggi. Dinyatakan dalam Pelan 9 iaitu Pembelajaran Dalam Talian Tahap Global. Dengan kadar penggunaan Internet di Malaysia pada masa kini pada tahap 67% iaitu ketujuh tertinggi di Asia. Kadar ini boleh dimanfaatkan untuk

meningkatkan akses pembelajaran dalam talian dengan kandungan berkualiti, meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran, mengurangkan kos penyampaian dan menawarkan kepakaran Malaysia kepada masyarakat global [PPPM, 2015].

Kementerian telah bekerjasama dengan IPT untuk membina keupayaan komuniti akademik, meneroka penubuhan platform e-pembelajaran kebangsaan untuk membangun kandungan MOOC (Masive Open Online Course). MOOC menjadikan pembelajaran dalam talian sebagai komponen penting pendidikan tinggi dan pembelajaran sepanjang hayat bermula dengan kursus umum peringkat sarjana muda dan menggunakan model pembelajaran bersepadu [PPPM, 2015]. Bagi peringkat Politeknik Malaysia, MOOC dilaksanakan secara berperingkat terhadap kursus terpilih bagi peringkat diploma.

MOOC adalah ditawarkan secara terbuka dan secara percuma kepada semua pelajar di dunia [Kop, 2011]. MOOC yang pertama telah ditawarkan oleh University Manitoba pada tahun 2008 [Fini, 2009], MOOC merupakan trend terkini kerana ketidakupayaan kampus fizikal untuk memenuhi keperluan pendidikan tinggi daripada penduduk dunia yang semakin meningkat dan kematangan teknologi yang menjadikan internet jalur lebar lebih mudah dan boleh dipercayai.

Kajian ini dilaksanakan bagi melihat persepsi pelajar terhadap penggunaan platform *Open Learning* sebagai medium pembelajaran yang telah dilaksanakan di Politeknik Balik Pulau. MOOC platform yang dibangunkan adalah bagi kursus Problem Solving and Program Design.

1.1. Objektif Kajian

Kajian ini adalah untuk mengetahui tentang persepsi pelajar terhadap penggunaan platform *Open Learning* terhadap pelajar JTMK, Politeknik Balik Pulau. Objektif kajian ini adalah untuk:

- i. Menenalpasti tahap mudah guna platform *Open Learning* oleh pelajar.
- ii. Menenalpasti tahap kemanfaatan platform *Open Learning* kepada pelajar.
- iii. Menenalpasti keupayaan pelajar memperolehi sumber pembelajaran dengan penggunaan platform *Open Learning*.
- iv. Menenalpasti prasarana yang disediakan kepada pelajar dalam proses capaian platform *Open Learning*.
- v. Menenalpasti tahap penggunaan platform *Open Learning* sebagai medium pembelajaran oleh pelajar.

2. Metodologi Kajian

Bahagian ini menjelaskan dan menghuraikan beberapa aspek yang berkaitan dengan kaedah dan prosedur yang dijalankan serta tatacara kajian dalam memperoleh dan menganalisa data setelah penyelidikan dijalankan.

2.1. Sampel

Sampel dalam kajian ini terdiri daripada pelajar semester satu Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi yang mengambil program Diploma Digital Teknologi dari kelas DDT1A, DDT1B dan DDT1C. Kajian ini melibatkan seramai 71 responden iaitu 23 orang dari DDT1A, 24 orang dari DDT1B dan 24 orang dari DDT1C. Populasi ini dipilih kerana mereka telah mengaplikasikan platform *Open Learning* selama dua bulan dan penggunaan platform *Open Learning* sebagai medium pembelajaran dan pengajaran boleh dikaji. Jumlah populasi yang terlibat dalam kajian ini berjumlah 71 orang pelajar.

2.2. Pengukuran

Soal selidik yang telah dibina dan diubahsuai daripada Shardilla dan Jamaliah (2012) mengandungi lima (5) bahagian iaitu:

Bahagian A : Maklumat Diri Responden

Bahagian B: Mudah Guna Pelajar terhadap platform *Open Learning*

Bahagian C: Kemanfaatan Pelajar terhadap platform *Open Learning*

Bahagian D: Kemahiran Pelajar terhadap platform *Open Learning*

Bahagian E: Prasarana yang disediakan kepada pelajar

Soal selidik adalah menggunakan skala *Likert* lima mata (1-sangat tidak setuju (STS), 2-Tidak Setuju (TS), 3-Tidak Pasti (TP), 4- Setuju (S), 5-Sangat Setuju(ST)) dan mempunyai 40 pernyataan bagi mengkaji penggunaan platform *Open Learning* sebagai medium pembelajaran. Kajian ini adalah berbentuk diskriptif menggunakan peratusan dan skor min. Pengumpulan data adalah daripada borang selidik yang telah diedarkan kepada responden dan dianalisis dengan menggunakan *Statistical Pacakage for The Social Science (SPSS)* versi 21. Interpretasi skor min diubahsuai daripada Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999) dalam Lily Siong (2004) telah digunakan oleh pengkaji dalam menganalisa data yang diperolehi. Interpretasi skor min yang digunakan seperti rajah di bawah:

Jadual 1. Interpretasi Skor Min

Skor Min	Tahap
1.00 hingga 2.50	Rendah
2.51 hingga 3.50	Sederhana
3.51 hingga 5.00	Tinggi

Kebolehpercayaan soal selidik bagi kajian ini dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Pacakage for The Social Science (SPSS)* versi 21 terhadap 30 orang pelajar dan nilai kebolehpercayaan *Alpha Cronbach* adalah $\alpha = 0.929$. Ghaffar (1999) menyatakan kebolehpercayaan soal selidik yang tinggi adalah sekiranya nilai *Alpha Cronbach* melebihi 0.80. Oleh yang demikian, soal selidik ini boleh digunakan di dalam kajian ini dan tiada item yang digugurkan.

3. Hasil Dapatan

Hasil kajian demografi responden adalah:

Jadual 2. Demografi Responden

Item		Peratus (%)
Umur	18 – 19	87.5
	20 – 21	10.7
	22 – 23	1.3
Jantina	Lelaki	44.6
	Perempuan	55.4
Tempat Tinggal Pelajar	Kamsis Politeknik	100
Kekerapan Menggunakan Komputer	< 1 jam sehari	26.8
	1 – 4 jam sehari	53.6
	>5 jam sehari	19.6

Responden kajian terdiri daripada lelaki 44.6% dan perempuan 55.4%. Peratus umur tertinggi adalah 18-19 tahun sebanyak 87.5% dan semua responden tinggal di Kamsis Politeknik dengan kekerapan menggunakan komputer adalah di antara 1 – 4 jam sehari.

Jadual 3. Skor Min Dan Tahap Mudah Guna Pelajar

Bil	Item	Skor Min	Tahap
1	Saya merasakan platform <i>Open Learning</i> mudah untuk digunakan	4.41	Tinggi
2	Ikon di dalam platform <i>Open Learning</i> mudah difahami	4.31	Tinggi
3	Platform <i>Open Learning</i> mempunyai antaramuka yang menarik	4.34	Tinggi
4	Arahan yang terdapat di dalam platform <i>Open Learning</i> jelas	4.34	Tinggi
5	Platform <i>Open Learning</i> boleh dicapai di mana-mana sahaja	4.14	Tinggi
6	Saya merasakan platform <i>Open Learning</i> adalah aplikasi yang mesra pengguna	4.42	Tinggi
7	Saya merasakan platform <i>Open Learning</i> dapat membantu saya dalam ulangkaji pelajaran	4.36	Tinggi
8	Saya merasakan sesi berinteraksi di dalam platform <i>Open Learning</i> adalah mudah untuk difahami	4.27	Tinggi
9	Saya memerlukan usaha yang banyak untuk menjadi lebih berkemahiran dalam menggunakan platform <i>Open Learning</i> sebagai medium pembelajaran	4.28	Tinggi
10	Secara keseluruhan, saya merasakan pembelajaran berasaskan platform <i>Open Learning</i> adalah senang dan mudah untuk digunakan	4.47	Tinggi

Dapatan kajian terhadap penggunaan platform *Open Learning* sebagai medium pembelajaran dari aspek senang dan mudah guna platform *Open Learning* memperoleh skor min tinggi iaitu 4.47%. Pelajar juga bersetuju platform *Open Learning* membantu dalam proses ulangkaji dengan skor min 4.36%. Selain itu, platform *Open Learning* mudah digunakan dan juga memberi arahan yang jelas kepada pelajar memperoleh skor min 4.41% dan 4.34%. Pelajar berpendapat platform *Open Learning* mempunyai antaramuka yang menarik dengan skor min 4.34%.

Jadual 4. Skor Min Dan Tahap Kemanfaatan Pelajar

Bil	Item	Skor Min	Tahap
1	Platform <i>Open Learning</i> berkemampuan mempercepatkan kerja yang saya lakukan	4.10	Tinggi
2	Platform <i>Open Learning</i> mampu meningkatkan kemahiran saya menggunakan komputer	4.21	Tinggi
3	Platform <i>Open Learning</i> berkemampuan mempermudah kerja yang dilakukan	4.36	Tinggi
4	Proses pembelajaran melalui platform <i>Open Learning</i> mengurangkan kos perbelanjaan saya	4.23	Tinggi
5	Proses pembelajaran melalui platform <i>Open Learning</i> meningkatkan tahap pengetahuan saya	4.32	Tinggi
6	Proses pembelajaran melalui platform <i>Open Learning</i> membuat tugas saya lebih berkesan	4.15	Tinggi
7	Proses pembelajaran melalui platform <i>Open Learning</i> mewujudkan komunikasi berkesan di antara pelajar dengan pensyarah	4.09	Tinggi
8	Platform <i>Open Learning</i> dapat mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih terancang	4.21	Tinggi
9	Platform <i>Open Learning</i> dapat mewujudkan suasana pembelajaran yang fleksibel	4.34	Tinggi
10	Secara keseluruhan, pembelajaran berasaskan internet dan komputer berkemampuan memberikan manfaat kepada pelajar	4.49	Tinggi

Aspek pembelajaran berasaskan internet dan komputer berkemampuan memberikan manfaat kepada pelajar memperoleh skor min tertinggi iaitu 4.49%. Selain itu, pelajar juga bersetuju dengan penggunaan platform *Open Learning* bagi mempercepatkan kerja dan memudahkan kerja dengan skor min 4.10% dan 4.36%. Hasil analisis mendapati pelajar bersetuju pembelajaran melalui platform *Open Learning* meningkatkan tahap pengetahuan dengan skor min 4.32% dan melalui platform ini suasana pembelajaran adalah lebih fleksibel dengan skor min 4.34%.

Jadual 5. Skor Min Dan Tahap Kemahiran Pelajar

Bil	Item	Skor Min	Tahap
1	Saya mahir mengendalikan pengoperasian asas platform <i>Open Learning</i>	3.93	Tinggi
2	Saya mahir memuat turun video di dalam platform <i>Open Learning</i>	3.91	Tinggi
3	Saya mahir memuat turun nota, tutorial dan latihan di dalam platform <i>Open Learning</i>	4.21	Tinggi
4	Saya berjaya menjawab kuiz yang diberikan di dalam platform <i>Open Learning</i>	4.21	Tinggi
5	Saya mahir berkomunikasi dengan pensyarah dalam platform <i>Open Learning</i>	4.11	Tinggi
6	Saya mahir menggunakan segala fungsi dalam platform <i>Open Learning</i>	4.02	Tinggi
7	Saya mahir untuk memastikan segala tugas, tutorial dan kuiz dihantar kepada pensyarah	4.17	Tinggi
8	Saya mahir untuk melihat maklumat yang terdapat di dalam platform <i>Open Learning</i>	4.00	Tinggi
9	Saya tidak perlu daftar untuk masuk ke dalam platform <i>Open Learning</i>	4.05	Tinggi
10	Secara keseluruhan saya mahir dalam penggunaan platform <i>Open Learning</i> dalam pembelajaran	4.13	Tinggi

Seterusnya skor min bagi kemahiran pelajar dalam penggunaan platform *Open Learning* memperoleh skor min 4.13%. Skor min tertinggi iaitu 4.21% adalah pada kemahiran pelajar dalam memuat turun nota, tutorial dan latihan dan juga pelajar berjaya menjawab kuiz yang diberikan secara *online* di platform *Open Learning*.

Jadual 6. Skor Min Dan Tahap Prasarana Di Politeknik

Bil	Item	Skor Min	Tahap
1	Saya diberi peluang menggunakan makmal komputer	4.05	Tinggi
2	PBU menyediakan kemudahan internet	2.73	Sederhana
3	PBU tidak mengenakan caj terhadap penggunaan internet	3.67	Tinggi
4	PBU menyediakan bilangan komputer yang mencukupi bagi kegunaan pelajar	3.39	Sederhana
5	PBU menyediakan capaian internet yang laju	2.42	Sederhana
6	PBU menyediakan Access Point yang secukupnya	2.51	Sederhana
7	Akses kepada platform <i>Open Learning</i> sangat cepat	3.12	Sederhana
8	Dapat memuat turun bahan pembelajaran dengan mudah	3.19	Sederhana
9	Mengalami gangguan internet semasa menggunakan platform <i>Open Learning</i>	2.98	Sederhana
10	Kemudahan internet di PBU tidak mencukupi	3.16	Sederhana

Dari segi prasarana yang disediakan kepada pelajar skor min tertinggi yang diperolehi adalah 4.05% peluang menggunakan makmal komputer. Skor min terendah adalah 2.42% kelajuan internet di Politeknik. Keseluruhannya, pelajar bersetuju dengan kemudahan makmal komputer yang disediakan tetapi pelajar kurang bersetuju dengan kemudahan internet yang disediakan dengan skor min pada tahap sederhana

Pada keseluruhannya, analisis data mendapati majoriti responden adalah pada tahap tinggi dalam penggunaan platform *Open Learning* sebagai medium pembelajaran di kalangan pelajar seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 7.

Jadual 7. Analisis tahap mudah guna, kemanfaatan, kemahiran pelajar dan prasarana dalam penggunaan platform *Open Learning*.

Aspek	Min
Mudah Guna	4.47
Kemanfaatan	4.49
Kemahiran Pelajar	4.13
Prasarana	3.16
Min Keseluruhan	4.06

4. Perbincangan

Dalam kajian ini, didapati pelajar bersedia dan gemar menggunakan platform *Open Learning* sebagai medium pembelajaran. Pelajar terdorong menggunakan platform *Open Learning* ini kerana ianya merupakan gaya pembelajaran terkini serta kemudahan yang disediakan dalam platform ini menarik minat serta memberi kemudahan kepada pelajar. Melalui platform *Open Learning* ini, pelajar boleh mengulangkaji, memuat turun nota, menonton video berkaitan, mengambil kuiz dan ujian serta dapat berhubung dengan pensyarah dan rakan-rakan. Muhstak (2012) juga berpendapat semua pelajar dalam talian perlu menonton semua video kuliah yang direkodkan dan melengkapkan semua tugas dan aktiviti-aktiviti yang telah disediakan. Proses pembelajaran secara interaktif ini dapat mengelakkan kebosanan pelajar dan dapat menarik minat pelajar dalam proses pembelajaran. Dapatan ini disokong oleh Muhstak (2012) yang menyatakan platform *Open Learning* menyediakan ciri-ciri karma yang menarik bila mana pelajar dapat menerima komen yang positif daripada rakan sebaya serta diberikan sijil sekiranya proses pembelajaran tercapai. Kesemua ciri-ciri ini direka untuk menggalakkan pembelajaran dan kerjasama sepanjang kursus.

5. Kesimpulan

Secara keseluruhannya, didapati pelajar mempunyai kesediaan yang tinggi terhadap penggunaan platform *Open Learning* sebagai medium pembelajaran. Hasil kajian juga mendapati pelajar mendapat kemanfaatan pembelajaran berasaskan internet dan komputer yang telah memudahkan kerja mereka. Selain itu, pelajar berkemahiran dalam mendapatkan bahan-bahan P&P yang diberikan oleh pensyarah. Ini menunjukkan pelajar telah bersedia untuk menghadapi transformasi pendidikan yang berasaskan MOOC (Massive Open Online Course) dan juga pembelajaran teradun (*blended learning*). Hasil kajian juga mendapati terdapat penambahbaikan yang perlu diambil perhatian bagi memastikan platform *Open Learning* dapat diaplikasi oleh pelajar dengan adanya capaian internet yang baik dan *access point* yang secukupnya di kamsis dan kawasan politeknik. Dalam pelaksanaan pembelajaran atas talian ini, aspek yang perlu dititikberatkan adalah soal limitasi pengguna yang melayarinya dan juga masalah teknikal sistem (Pappas, 2014).

Rujukan

- Caliskan, H. (2012). Open Learning. School of Communication Sciences. Anadolu University. Turkey. Retrieved from <https://www.researchgate.net>
- Faridah Jamil@Amat & Zain Retas (2012). Kesiediaan Penggunaan E-Learning Di Kalangan Pelajar Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi. Politeknik Merlimau Melaka.
- Fini, A. (2009). The Technology Dimension of a Massive Open Online Course: The Case of the CCK08 Course Tools. *The International Review of Research in Open and Distance Learning*.
- Ghaffar, M. N. A. (1999). Penyelidikan Pendidikan: Universiti Teknologi Malaysia.
- Hisham Dzakiria, Rozhan Mohd Idrus & Hanafi Atan (2005). Interaction in Open Distance Learning: Research Issues in Malaysia. Universiti Utara Malaysia. *Malaysia Journal of Distance Education*.
<https://www.openlearning.com>
<https://www.openlearning.com/PoliteknikBalikPulau>
- Kop, R., Fournier, H., & Mak, J. S. F. (2011). A pedagogy of abundance or a pedagogy to support human beings? Participant support on massive open online course. *International Review of Research in Open and Distance Learning*.
- Lily Siong@Lily Mahmud (2004). Keberkesanan Pengajaran Dan Pembelajaran Dalam Program Pendidikan Khas Di Politeknik Malaysia. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia: Tesis Sarjana Pendidikan.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999). Penyelidikan Pendidikan. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Pappas, C. (2014). Elearning Industry: 11 Tips for Choosing The Best Learning Management System. Retrieved from <http://elearningindustry.com/>
- Ringkasan Eksekutif: Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 – 2025 (Pendidikan Tinggi) (2015). Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Shardilla Mohamad Sarif & Jamaliah Musa (2012). Penerimaan CIDOS Sebagai Medium Dalam Kaedah Pembelajaran Bagi Pelajar JTMK. Politeknik Ungku Omar.